

ISU-ISU WANITA DALAM TAFSIR AL-AZHAR: KAJIAN TERHADAP SURAH AL-NISĀ'

Oleh:

Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff *

Abdul Hafiz Abdullah **

Siti Rohaya Sudiro ***

zulkifliy@um.edu.my

abdul_haafiz@yahoo.com

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mengkaji pandangan Hamka mengenai wanita yang ditelusuri daripada karyanya Tafsir al-Azhar. Ia bertujuan untuk melihat dan menilai sejauhmanakah Hamka mencurahkan idea dan pengalamannya ke dalam tafsir karangannya itu dalam membincangkan hal ehwal wanita. Artikel ini telah mengetengahkan pandangan Hamka terhadap wanita dari aspek sosial yang menyentuh isu-isu berkaitan perkahwinan merangkumi poligami, mahar, wanita berkahwin dengan lelaki Kristian, gundik, nikah mut'ah, talak dan nusyuz yang terdapat dalam Surah al-Nisa'. Hasilnya didapati Hamka mempunyai pandangan tersendiri mengenai isu-isu tersebut yang dihubungkanaitkan dengan adat budaya dan pemikiran persekitaran masyarakat setempatnya.

Kata Kunci: *Hamka, Tafsir al-Azhar, Adat, Wanita, Budaya*

ABSTRACT

The article aims to study Hamka's point of views on women based on his work Tafsir al-Azhar. It aims to identify and evaluate Hamka's ideas and experiences which he poured into his tafsir in discussing women's affairs. This article has highlighted Hamka view of women from the social aspects

* Dato' Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff (PhD), Profesor di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Abdul Hafiz Abdullah, calon Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

*** Siti Rohaya Sudiro, guru Pendidikan Islam, Sekolah Menengah Kebangsaan Usukan, Kota Belud, Sabah

touching on issues related to marriage including polygamy, dowry, a woman married to a Christian man, a concubine, mut'ah marriage, divorce and nushuz found in Surah al-Nisa'. The result found Hamka had his own opinions about the issues which were connected to local community cultural customs and thought.

Keywords: *Hamka, Tafsir al-Azhar, Custom, Woman, Culture*

PENGENALAN

Sebelum kedatangan Islam, wanita sering menjadi mangsa pendiskriminasian undang-undang dan juga kehidupan yang didominasi oleh lelaki. Sejak beberapa abad yang lalu, wanita diletakkan pada kedudukan yang paling bawah dalam masyarakat. Ini mewujudkan jurang yang besar antara peranan lelaki dan wanita. Masyarakat sebelum Islam mengamalkan tradisi kaum atau bangsa yang membangkitkan sentimen gender yang berat sebelah kepada kaum wanita telah mengakibatkan mereka ditindas dan berperanan sebagai hamba.

Justeru itu, kedatangan Islam telah mengangkat darjat dan kedudukan wanita ke taraf paling tinggi. Pengiktirafan ini tidak dapat ditandingi dalam perkembangan-perkembangan tamadun lain. Islam telah memberi kebebasan kepada wanita dari kezaliman dan kekejaman yang dilakukan kepada mereka.

Perkara penting yang menjadi persoalan adalah berhubung dengan peranan wanita iaitu apakah berlaku penyelewengan peranan wanita? Terdapat ramai wanita kini yang telah menyeleweng dan menyimpang dari peranannya yang sebenar sebagai seorang hamba Allah dengan melanggar suruhan-suruhan al-Qur'an dan al-Sunnah, malah sebaliknya lebih gemar melakukan perbuatan yang dilarang dan diharamkan oleh Allah seperti pendedahan aurat, pergaulan bebas, khawat dan penzinaan. Perbuatan mereka ini sekaligus telah melanggar hakikat kewanitaannya yang dijadikan begitu sempurna dan menarik¹.

Lantaran itu, permasalahan kontemporari berkaitan wanita yang berlaku pada zaman ini menunjukkan wanita kurang memahami ajaran agama Islam dan keistimewaan yang telah diberikan kepada mereka dengan sebenarnya sehingga timbul banyak isu dan permasalahan berkaitan wanita.

¹ Che Zainon Yusof (1995), *Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam*, Batu Caves: Pustaka Ilmi, h. 67.

Berdasarkan kenyataan berkenaan wanita sebagaimana di atas, maka artikel ini akan meneliti isu-isu wanita yang dilihat dari sudut pandang Hamka dengan merujuk pemikirannya dalam karya terkenalnya *Tafsir al-Azhar* dengan pemfokusan terhadap surah *al-Nisā'*. Hal ini bertujuan untuk melihat apakah pandangan Hamka berkaitan wanita khususnya dari dua aspek utama iaitu perkahwinan dan talak. Ini kerana Hamka merupakan seorang ulama yang memahami keadaan masyarakat di Nusantara, dan pandangan beliau boleh dijadikan rujukan sebagai alternatif penyelesaian bagi masalah tersebut.

WANITA PADA ERA HAMKA

Keadaan wanita pada era Hamka banyak diceritakan dan digambarkan melalui adat masyarakat Minangkabau. Ini kerana Hamka telah dilahirkan dalam masyarakat yang tidak lari dari adat di negeri kelahirannya iaitu Minangkabau.

Perkahwinan yang berulang-ulang atau dengan kata lain, perkahwinan dan penceraian merupakan adat yang menjadi kemegahan yang harus dipegang teguh. Perkahwinan pada adat masyarakat Minangkabau bukan semata-mata merealisasikan hubungan suami isteri, akan tetapi lebih kepada menghubungkan dua buah suku. Inilah perkahwinan di tanah adat. Justeru, wanita sebagai seorang isteri, tidak mendapat pembelaan sewajarnya. Sebagai contoh, seorang suami masih lagi terikat dengan kaum kerabat mereka di mana menjaga hati kaum kerabat adalah lebih utama walaupun hati isteri mereka terluka. Perkara ini telah berlaku kepada ibu Hamka yang mana ayahnya telah menceraikan ibunya kerana kaum kerabatnya tidak menyukai ibu Hamka².

Seorang wanita juga tidak mendapat pembelaan yang wajar. Jika seorang suami yang berkahwin lebih dari seorang, isteri yang paling mereka sayangi, akan kurang disukai oleh kaum kerabat. Manakala isteri yang kurang disayangi akan mendapat pembelaan kaum kerabat. Sepertimana yang terdapat di dalam novel bergenre romantis karya Hamka yang bertajuk *Merantau ke Deli*. Karya ini menceritakan keadaan isteri Leman yang bernama Poniem berbangsa Jawa dan tidak disukai oleh kaum kerabat suaminya. Akhirnya Leman telah menceraikannya akibat pengaruh kaum kerabatnya dan melebihikan Mariatun isterinya yang kedua yang mengamalkan adat keturunan yang sama iaitu adat Minangkabau³.

² Hamka (1982), *HAMKA Kenang-kenangan Hidup*, c. 2. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 34.

³ Hamka (2004), *Merantau ke Deli*, c. 2. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd., h. 127.

ISU-ISU WANITA DALAM TAFSIR AL-AZHAR

Penulis akan mengemukakan pandangan Hamka di dalam *Tafsir al-Azhar* berkaitan isu-isu wanita dari aspek sosial yang telah dibincangkan oleh beliau dalam surah *al-Nisā'*. Perbincangan utama ialah berkenaan perkahwinan, talak dan harta pusaka. Selain itu, penulis juga akan menyatakan secara ringkas pandangan Hamka terhadap isu-isu lain yang berkaitan.

Perkahwinan telah menjadi topik utama perbincangan Hamka dalam surah ini, antara lain beliau membicarakan hal-hal berkaitan poligami, mahar, berkahwin dengan ahli kitab, kahwin paksa dan yang haram dikahwini.

Secara khususnya, di dalam surah *al-Nisā'*, perbincangan Hamka mengenai perkahwinan adalah seperti berikut:

POLIGAMI

Poligami bermaksud amalan beristeri lebih daripada seorang pada masa yang sama⁴. Hanya Rasulullah yang dibenarkan oleh Islam beristeri lebih dari empat dalam satu masa⁵. Hukum asal poligami ialah harus dan dibolehkan dalam Islam⁶ sebagaimana firman Allah SWT:⁷

وَإِنْ خَفِتُمُ الْأَنْتَمَى فَإِنِّي حُوَا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ
مَثْنَى وَثُلَثَ وَرُبَعٌ فَإِنْ خَفْتُمُ الْأَنَّ تَعَدُّلُوا فَوْحَدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى الْأَنَّ تَعُولُوا

Terjemahannya: “Dan jika kamu khuatir tidak akan mampu berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (apabila kamu mengahwininya), maka kahwinilah perempuan (lain) yang kamu senang; dua, tiga atau tempat, tetapi jika kamu khuatir tidak akan mampu berlaku adil maka nikahilah seorang sahaja atau hamba sahaya perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih dekat agar kamu tidak berbuat zalim”.

⁴ Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1222.

⁵ ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan (1988), *Ta‘addud al-Zawjat fi al-Islam*, c. 4. Kaherah: Dar al-Salam, h. 9.

⁶ Mustafa al-Khin et al. (2005), *al-Fiqh al-Manhaji ‘Ala Madhhab al-Imam al-Shafi‘i*, j. 2. c. 6. Damsyik: Dar al-Qalam, h. 31.

⁷ Surah *al-Nisa'* (4): 3.

Firman Allah SWT dalam ayat di atas adalah bukti boleh berkahwin sehingga empat. Tetapi apabila berkahwin sehingga empat, akan timbul kesulitan iaitu suami mesti berlaku adil kepada semua isteri-isteri. Ini kerana setiap isteri mempunyai hak ke atas suami dan mereka berhak menuntut hak masing-masing. Oleh sebab itu, setelah diteliti ayat tersebut, jelaslah di dalamnya terkandung pengertian bahawa beristeri satu itu lebih aman dan selamat. Seandainya tetap mahu berpoligami, maka keadilan dalam berpoligami (keadilan yang mampu dilakukan oleh manusia) mestilah dilaksanakan, iaitu aspek-aspek material seperti nikah, pergaulan yang elok dan kediaman.

Bagi Hamka, poligami mesti digariskan dalam Undang-undang Perkahwinan yang sepatutnya diadakan di Indonesia.⁸ Beliau membolehkan poligami tetapi dengan menetapkan undang-undang poligami untuk kemaslahatan masyarakat. Sebagaimana kenyataannya:

Tetapi kalau masyarakat itu tidak dipimpin oleh penguasa yang mengerti roh syari'at, niscaya mereka akan berpoligami menurut sesuka hatinya saja. Mereka akan berpegang kepada kebolehan yang diberikan agama, tidak mengingat syarat-syarat yang ditentukannya. Dan di tanah air kita di Indonesia Poligami sesuka hati itu banyak terdapat, baik di kalangan orang awam, bahkan dalam kalangan terpelajar sendiri. Sehingga "Poligami" menjadi tempat lari bagi melepaskan nafsu. Sebab itu tidak ada salahnya jika pemerintah Republik Indonesia mengadakan undang-undang, bukan untuk memberantas Poligami karena yang demikian tidaklah sesuai dengan kepribadian bangsa yang beragama Islam. Menghapuskan Poligami adalah melanggar agama dan melanggar kenyataan dalam masyarakat. Yang perlu ialah menertibkan Poligami persis menurut isi kedua ayat yang menjadi sumber hukum itu ialah Allah dan RasulNya.⁹

Undang-undang ini perlu bagi menyekat mereka dari menyalahgunakan keharusan berpoligami tersebut. Ini kerana poligami merupakan syariat dan bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

⁸ Rusydi dan Afif Hamka (2002), *Prof. Dr. HAMKA Membahas Kemusykilan Agama*, Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd., h. 319.

⁹ Rusydi dan Afif Hamka (2002), *op.cit.*, h. 322.

Faktor Berlaku Poligami

Menurut Hamka, poligami berlaku di Indonesia disebabkan oleh susunan adat Minangkabau lama. Beliau telah menjelaskan beberapa faktor berlaku poligami, antaranya:

i. Masyarakat “Keibuan”

Islam telah menghukumkan keharusan berpoligami, namun terdapat poligami yang berlangsung kerana mengikut adat. Masyarakat “Keibuan” adalah adat yang melebihkan pada keturunan ibu yang berlaku pada masyarakat Minangkabau. Sebagaimana yang berlaku dalam rumah tangga cara Minangkabau lama adalah rumah tangga Adat Jahiliyyah.¹⁰ Ini kerana di dalam masyarakat Minangkabau dari segi agama mereka membahagikan adat kepada dua bahagian, iaitu: Adat Jahiliyyah dan Adat Islamiyyah.¹¹ Hamka menyatakan di dalam tafsirnya, poligami yang berlaku dalam masyarakat Minangkabau di Indonesia adalah mengikut adat dan bukanlah mengikut agama, bahkan poligami berlaku adalah disebabkan kelangsungan daripada masyarakat keibuan.¹²

ii. Mendirikan Adat

Bagi masyarakat Minangkabau, mendirikan adat bermaksud menunaikan hak dan tanggungjawab terlebih dahulu kepada suku mereka. Ini kerana bagi mereka, dengan mendirikan adat akan dapat menjaga kedudukan mereka di tanah adat. Kedudukan ini merupakan gelaran yang akan mereka gunakan dalam persukuan mereka. Menjadi kemestian bagi masyarakat Minangkabau menjaga kedudukan di dalam adat dengan mendirikan adat, kerana hutang adat bukanlah hutang emas ataupun wang, melainkan hutang malu yang harus dibayar kepada kampung halaman dan negerinya. Hutang yang dimaksudkan ialah tanggungjawab mereka. Hamka menyatakannya melalui karyanya *Merantau ke Deli*.¹³

Hamka sendiri merasai kesan poligami sebagaimana yang berlaku kepada ayahnya yang merupakan seorang tokoh agama tetapi tetap terikat dengan kedudukan di dalam adat dan perlu menunaikan tanggungjawab dalam adat, Hamka menjelaskan:

Sudah biasa ibu-ibunya yang bertiga bergiliran, dibawa ke Padang Panjang berganti-ganti, dari puasa ke puasa. Jika puasa hendak datang, pulanglah ayah dan ibunya ke kampung. Habis puasa berangkat pula ke Padang Panjang, dengan ibu yang

¹⁰ Hamka (1998), *Lembaga Hidup*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 198.

¹¹ Hamka (1984), *Islam dan Adat Minangkabau*, Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas, h. 88.

¹² Hamka (1999), *Tafsir Al-Azhar*, j. 2. c. 3. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 1074.

¹³ Hamka (2004), *op.cit.*, h. 54.

seorang lagi. Ayah Hamka seorang ahli agama yang terkenal. Tetapi belum dapat melepaskan dirinya daripada ikatan masyarakat adat di negerinya.¹⁴

iii. Orang Semenda

Semenda bermaksud pertalian kekeluargaan yang disebabkan oleh perkahwinan. Lelaki dalam adat Minangkabau, apabila mereka dijemput secara khusus untuk dijadikan menantu, maka mereka dipanggil sebagai orang semenda. Menjadi kewajiban sebagai seorang suami menjadi pemimpin dan penunjuk jalan yang dipercaya, tempat bergantung dan tempat berlindung yang tulus ikhlas.¹⁵ Tetapi, apa yang berlaku dalam susunan adat Minangkabau lama kebanyakan orang sukar merasakan kenikmatan berumah tangga. Ini kerana rumah tangga tidak diketuai oleh suami. Mereka hidup menjadi jemputan di rumah si isteri dan hidup dengan kekayaan isteri mereka.¹⁶

Orang semenda di tanah adat, tidak dapat melaksanakan kewajipan mereka sebagai suami isteri. Ini kerana suami menyalahgunakan kuasa sebagai suami dan tidak memahami tanggungjawab sebenar dalam perkahwinan. Hamka menjelaskan perkara ini di dalam penulisannya:

Yang bisa dilakukan di sana hanyalah: Hendaklah perempuan patuh menurut perintah suaminya, jangan suka meminta belanja walaupun telah habis. Ketika meletakkan piring dan mangkuk jangan keras-keras, supaya suami tidak marah. Karena kalau dia marah, dia mudah saja kawin seorang lagi. Kalau hendak cukup makan, isteri itu hendaklah berniaga sendiri ke pasar.¹⁷

Hamka juga menjelaskan tentang penyelewengan suami dengan katanya: “*Maka kalau kedapatan perempuan yang memimpin, sedang laki-laki hanya duduk-duduk saja, menganggur, mengadu balam, mendengarkan bunyi burung perkutut, mengadu ayam, alamat bahawa laki-lakinya tidak “beres” lagi*”.¹⁸

Faktor Hamka Menolak Poligami

Golongan anti poligami berpendapat bahawa memperbolehkan poligami adalah suatu tindakan yang akan meletakkan suatu halangan di hadapan wanita, di tengah-tengah perjalanan menuju kemajuan masyarakat.

¹⁴ Hamka (1982), *op.cit.*, h. 33.

¹⁵ Hamka (1998), *op.cit.*, h. 193.

¹⁶ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1074-1075.

¹⁷ Hamka (1998), *op.cit.*, h. 197.

¹⁸ Hamka (1975), *Kedudukan Perempuan dalam Islam*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, h. 63.

Sebaliknya, mlarang poligami bermaksud menghilangkan sebahagian dari rintangan-rintangan yang memperlambatkan pergerakan wanita, dan merampas hak-haknya serta merendahkan kedudukannya.¹⁹ Hamka menolak poligami dengan katanya: “*Bagi orang jang masih ‘normal’ lebih baiklah beristeri satu sadja. Karena beristeri banjak itupun menjusahkan mendirikan rumah-tangga bahagia, hanja menimbulkan permusuhan dendam kesumat diantara orang-orang jang bermadu dan diantara anak-anak yang berlain ibu.*”²⁰

Bagi Hamka, penolakan poligami digariskan atas beberapa sebab. Antaranya:

i. Menjaga Keadilan

Keadilan dalam berpoligami merupakan tuntutan dalam Islam seperti mana yang terkandung dalam firman Allah SWT pada Surah *al-Nisā'* ayat 3 dan ayat 129. HAMKA telah menulis di dalam tafsirnya mengenai bagaimana kesukaran menjaga keadilan hati walaupun berlaku di kalangan mereka yang mempunyai ilmu agama yang tinggi. Seperti nasihat gurunya:

Cukuplah isterimu itu satu sahaja wahai Abdul Malik! Aku telah beristeri dua. Kesukarannya baru aku rasai setelah terjadi. Aku tidak bisa mundur lagi. Resiko ini akan aku pikul terus sampai salah seorang dari kami bertiga meninggal dunia. Aku tidak akan menceraikan salah seorang antara mereka berdua, kerana kesalahan mereka tidak ada. Anakku dengan mereka berdua banyak. Tetapi aku siang-malam menderita batin, kerana ada satu hal yang tidak dapat aku pelihara, yaitu keadilan hati. Bagi orang lain hal ini mudah saja. Kalau tidak senang kepada salah satu, cari saja sebab yang kecil, lalu lepaskan, maka terlepaslah diri dari beban berat. Kalau kejadian demikian, kita telah meremuk-rendamkan hati seorang ibu yang telah ditelantarkan.²¹

Di samping itu, Hamka juga turut meluahkan kesusahan menjaga keadilan dalam berpoligami melalui karyanya *Merantau ke Deli*:

Kalau engkau jadi beristeri seorang lagi Leman, percayalah perkataanku, engkau akan menyesal kelak. Kerana engkau bangsa orang yang tidak tahan hati, engkau belum tahu tipu

¹⁹ Nasir Taufiq al-Atthar (1976), *Poligami ditinjau dari Segi Agama, Sosial dan Perundangan undangan*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 11.

²⁰ Hamka (1962), “Tafsir Al-Qur'an”, dalam Soedirman et al., *Madjallah Gema Islam*, no. 2, Februari 1962. Djakarta: Jajasan Perpustakaan Islam Pusat, h. 33.

²¹ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1067.

daya perempuan. Salah satu dari dua jalan akan engkau tempuh. Pertama, selama hidup engkau pegang kedua perempuan itu, tetapi hatimu menyesal. Sebabnya ialah yang tua engkau kasihani, tetapi yang muda engkau sayangi. Antara kasihan dan sayang jauh bezanya. Yang kedua, engkau ceraikan salah seorang kerana tidak tertanggung. Saya jamin dari sekarang, bahawa yang akan engkau ceraikan adalah yang tua, Poniem. Sebab dengan menceraikan dia, barulah engkau terlepas dari beban yang berat.”²²

ii. Adat Minangkabau

Poligami berlaku di tanah adat adalah tertakluk pada adat dan bukan kerana keharusannya dalam Islam. Mereka yang tinggal di tanah adat sememangnya akan terikat dengan adat negeri tersebut.

Hamka sendiri pernah merasai keperitan pengalaman poligami secara adat tersebut apabila ayahnya sendiri berpoligami. Ini kerana menjadi adat kepada masyarakat Minangkabau apabila tinggal di negeri adat, mereka wajib untuk mengikut adat masyarakat Minangkabau. Pengalaman Hamka ini dapat dilihat sebagaimana luahan hati dalam bukunya:

Lain dari itu, kerap kali dia menyaksikan ibunya menangis, sampai gembung matanya, jika ayahnya pergi kahwin. Dan saudara perempuan ayahnya tersenyum-senyum melihat anak kita yang malang itu, atau anak kita yang berbahagia itu, sedang duduk-duduk bermain dengan adik-adiknya dari lain ibu. Sebab ibunya sendiri sedang giliran di kampung.²³

iii. Ibu Tiri dan Pengabaian Anak-anak

Hamka menyatakan di dalam tafsirnya, nama panggilan ibu tiri bagi orang Jakarta ialah: “*Mak Kwalon*”.²⁴ *Mak Kwalon* adalah sekadar gelaran ibu tiri bagi orang Jakarta, walaupun tidak menggelarkan dengan gelaran yang buruk pada ibu tiri tetapi mereka tetap beranggapan bahawa ibu tiri adalah jahat.

Ibu tiri menurut Hamka tidak semuanya bersedia untuk memikul tanggungjawab menjaga anak-anak suami mereka. Inilah yang akan menyebabkan timbul penderitaan anak-anak lantaran beribu tiri²⁵. Anak-anak seharusnya menerima didikan yang sempurna dari kedua ibu bapa. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa hadapan anak-anak mereka.

²² Hamka (2004), *op.cit.*, h. 67.

²³ Hamka (1982), *op.cit.*, h. 35.

²⁴ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1143.

²⁵ Hamka (2007), *1001 Soal Hidup*, Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd., h. 36.

Hamka menyatakan di dalam tafsirnya, anak-anak yang membesar tanpa mendapat didikan dan kasih sayang kedua ibu bapa mereka, tidak akan terurus dengan baik: “*Dan anak-anak yang telah besar tidak pula menyelenggarakannya secara patut, sebab merekapun dahulu tidak pula merasai betapa kasih ayah mereka kepada mereka*”.²⁶ Penekanan Hamka terhadap kenyataan ini bahawa anak-anak akan terabai dan apabila mereka dewasa kelak, mereka tidak dapat menguruskan sesuatu pekerjaan dengan baik.

Hamka sendiri pernah mempunyai pengalaman yang getir (pahit) itu ketika kecilnya kerana kekurangan kasih sayang ayahnya dan telah beribu tiri kesan dari ayahnya yang berpoligami. Di dalam buku *Kenang-kenangan Hidup*, Hamka telah menceritakan kepedihan tersebut:

Herankah kita, kepada si anak dipompakan (diajarkan) oleh ibunya, bahawa dia adalah anak, dan menurut agama dialah yang berhak mendapat keutamaan pendidikan dan asuhan dari ayahnya. Dan sebaliknya si saudara perempuan mengajarkan kepada si kemenakan (saudara perempuan). Dia sudah merasa pedihnya hidup dengan ibu tiri, atau hidup dengan saudara-saudara perempuan ayahnya.²⁷

Kesan Poligami

Poligami membawa manfaat yang banyak kepada masyarakat kerana membuka ruang untuk melangsungkan pernikahan bagi wanita-wanita yang sudah lanjut usia, janda dan yang telah bercerai. Sebaliknya, jika poligami dilarang, maka akibatnya ramai wanita yang tidak berkahwin.²⁸

Hamka menulis di dalam tafsirnya, apabila poligami sudah tidak diperlukan, maka lebih ramai gadis yang lambat mendapat jodoh. Menurut beliau:

Tetapi sekarang, terutama setelah perang Dunia II, poligami di sana sudah sangat mundur atau menurun. Sebab anak sekarang sudah tanggungan ayah dan isteri belaan suami. Bukan lagi kemenakan dalam pengasuhan mamak. Malahan rumah-rumah gadang sudah mulai runtuh, tidak ada lagi mamak yang akan membangunnya. Yang berdiri ialah rumah gedung buatan suami, untuk berteduh anak-isterinya. Oleh sebab itu, disana sudah mulai timbul soal baru sekarang, iaitu sulitnya gadis mendapat jodoh. Akan datang suatu masa, karena suburnya rasa demokrasi di negeri kita, perempuan-

²⁶ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1075.

²⁷ Hamka (1982), *op.cit.*, h. 35.

²⁸ Nasir Taufiq al-Attar (1976), *op.cit.*, h. 19.

perempuan muda yang tidak mendapat bagian suami mengadakan demonstrasi atau resolusi minta dicarikan suami, sebab sukarnya mencari suami. Sedang mereka sebagai manusia tidak ingin suami dan mereka tidak mau berzina!²⁹

Persoalan poligami kini menurut Hamka sudah jarang berlaku. Ini kerana tanggungjawab berumah tangga sudah terletak pada bahu suami bukan lagi kewajipan bapa saudaranya. Hamka mengulas mengenai isu ini dengan berkata:

Dan telinga kita tidak senang mendengar lagi, kalau ada orang-orang tua kampong berkata, "Isteri yang pertama hendaklah orang kampung sendiri, kalau yang kedua dan yang ketiga tidaklah mengapa, orang kampung lain." Kita tidak senang lagi mendengarkan itu, kerana sebab lemah perasaan hendak beristeri lebih dari seorang pada zaman ini. Dahulu mudah berbini ramai, sebab belanja rumah tangga seorang perempuan tidak wajib lelaki membayarnya, tetapi kewajipan mamaknya (bapa saudara). Kini apabila beristeri, tanggungan lekat di kuduk (tengkuk) suami. Jarang orang zaman sekarang yang benar-benar ingin beristeri dua dan tiga, kecuali kalau di kampung.³⁰

MAHAR (MAS KAHWIN)

Mahar merupakan pemberian wajib yang diberi oleh suami kepada isterinya dengan sebab berkahwin, melakukan persetubuhan atau penyerahan secara paksa. Mahar diwajibkan ke atas lelaki dan tidak ke atas perempuan. Dalil yang menunjukkan wajib membayar mahar sepertimana tercatat dalam Surah *al-Nisā'* ayat 4.

Pandangan Hamka Terhadap Mahar

Mahar merupakan hak isteri, lelaki wajib memberi mahar kepada perempuan. Para ulama' sepakat mengatakan bahawa tidak ada batas maksima dalam memberi mahar kecuali perbezaan pendapat tentang jumlah minima memberi mahar. Secara umumnya seorang wanita boleh menghibahkan (pemberian hak secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik) maharnya kepada suaminya mengikut pendapat jumhur fuqaha'.³¹

Terdapat pelbagai nama bagi mahar (mas kahwin) seperti: *sadaq* (isi kahwin), *nihilah* (pemberian), *ujrah* (bayaran), *faridah* (yang ditentukan),

²⁹ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1074.

³⁰ Hamka (2007), *op.cit.*, h. 14.

³¹ Imad Zaki al-Barudi (2007), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim li al-Nisa'*, Samson Rahman (terj.), c. 2. Jakarta: Pustaka Kauthar, h. 271.

hibah (hadiyah/ pemberian), ‘*uqr* (isi kahwin bagi perempuan yang disetubuhi syubhah), ‘*ala’iq* (pergantungan), *tawl* (perbelanjaan) dan *nikah* (berkahwin).³² Tetapi bagi sesetengah masyarakat Indonesia, mereka menamakan mahar ini sebagai ‘*uang jujur*’ sepihaknya kenyataan Hamka di dalam tafsirnya: “Memang, di beberapa negeri di Indonesia ini, seumpama di Sumatera Timur, uang mahar itu mereka namai “Uang Jujur”. Kadang-kadang di sebut mahar.”³³

Hamka berpendapat bahawa mahar adalah sesuatu yang mengikut sunnah seperti mana yang telah ditetapkan dan menerimanya tanpa menyukarkannya. Apa yang telah ditetapkan oleh sunnah itu sudah lengkap dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Sebagaimana penulisan Hamka dalam menjawab persoalan berkaitan mahar yang dikemukakan kepadanya adalah tidak lari dari ketetapan sunnah: “Yang menjadi patokan (syarat) dasar ialah kemudahan, bukan mempersukar. Yaitu mudah menurut keadaan kedua belah pihak yang bersangkutan. Disertai ridha dan persetujuan kedua belah pihak.”³⁴

Pemberian Mahar

Menurut Hamka, seorang wali dibenarkan memberikan wang mahar kepada lelaki yang akan menikahi anaknya dan dikira sebagai hadiah sebelum terjadinya pernikahan. Seperti cerita sahabat Hamka yang bernama Almarhum Sayid Abdulhamid al-Khatib kepada beliau:

Dan setelah mereka bubar diserahkannya uang sendiri 500 rial kepada Ahmad Khatib. Dikatakannya uang ini hadiahku kepadamu, buat maskahwin isterimu kelak, yang akan engkau bayar kontan di hadapan Qhadi. Maka langsunglah perkahwinan itu. Ahmad Khatib membayar mahar isterinya dari uang yang disodorkan dari jalan belakang oleh bakal mertuanya sendiri.³⁵

Menghibah Mahar

Seorang isteri boleh menghibahkan mahar yang diterima kepada suaminya, baik dia seorang gadis atau janda. Hamka telah menyatakan melalui cerita di

³² Wahbah al-Zuhayli (2001), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j. 7. Damsyik: Dar al-Fikr, h. 251.

³³ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1096.

³⁴ Hamka (1983), *Soal-Jawab Agama Islam*, j. 1. c. 4. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, h. 128.

³⁵ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1163.

dalam tafsirnya: “*Dia ingin sekali menyerahkan maskahwin itu kepada beliau, sebagai hadiah dari seorang murid kepada guru...* ”³⁶

Ganti Rugi ‘Kehormatan’

Menurut ulama Maliki dan Hanafi, mahar merupakan sesuatu yang dijadikan hak perempuan sebagai ganjaran berseronok dengannya.³⁷ Maka dikatakan kadar bayaran yang diberikan kepadanya itu sebagai ganti bayaran manfaat. Sebahagian masyarakat Indonesia menolak perkara tersebut dan Hamka juga turut tidak bersetuju sebagaimana katanya di dalam tafsirnya: “*Teringat pula kita salinan yang indah atas nama shadaq itu di Indonesia ini. Orang-orang Melayu Sumatera Timur menamai mahar atau mas itu, uang jujur. Bukan ganti kerugian “kehormatan” (‘iwadh), sebagai kata setengah ahli fiqh itu.*”³⁸

Menurut pentafsiran Hamka, mahar pada asalnya ialah pemberian kepada isteri dengan hati yang suci dan bersih sebagai tanda penghubung kasih. Dan menurutnya lagi, mahar itu ibarat madu yang diserahkan kepada isteri sebagai status kewajiban. Akan tetapi, setelah ayat ini ditafsir mengikut ahli fekah, hilanglah makna yang asal dan timbul pendapat bahawa mahar itu ‘iwadi’aitu ganti rugi atau harga kehormatan perempuan itu³⁹.

Lantas, jelaslah bahawa pemberian mahar merupakan kewajipan lelaki kepada wanita dan mempunyai banyak hikmahnya seperti mana yang telah digariskan dan mahar bukanlah sesuatu yang menyukarkan.

PERKAHWINAN BERLAINAN AGAMA

Hamka telah menyatakan bahawa agama Islam telah membolehkan seorang lelaki Islam berkahwin dengan wanita Kristian, sedang wanita Islam tidak boleh berkahwin dengan lelaki Kristian.⁴⁰ Wanita yang boleh dikahwini adalah wanita ahli kitab (wanita yang menganut agama samawi) dan bukanlah wanita musyrik (kafir). Lelaki muslim tidak halal mengahwini perempuan musyrik.⁴¹ Oleh itu, wanita kafir perlu memeluk agama Islam dahulu untuk dikahwini. Tetapi ahli fekah Islam telah sama pendapat bahawa

³⁶ *Ibid.* Kenyataan ini sudah jelas dinyatakan oleh Allah SWT melalui firmanNya di dalam Surah *al-Nisa'* ayat 4 dan 24. Kedua-dua ayat ini menyatakan bahawa seorang isteri boleh menghadiahkan mahar yang diterima kepada suaminya. Akan tetapi, mahar tersebut perlulah diberikan terlebih dahulu oleh si suami kepada isterinya. Ini kerana hukum di dalam agama tidak boleh diubah lantaran kebaikan hati si isteri.

³⁷ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 251.

³⁸ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1099.

³⁹ *Ibid.*, j. 2, h. 1096.

⁴⁰ Hamka (1984), *Soal-Jawab Agama Islam*, j. 2. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, h. 137.

⁴¹ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 151.

lelaki Islam yang hanya tinggal nama sahaja dan lemah imannya tidak boleh berkahwin dengan perempuan pemeluk agama lain (*ahl al-kitab*)⁴².

Pandangan Hamka Terhadap Perkahwinan Berlainan Agama

Menurut Hamka, perkahwinan campuran kerana berlainan agama jarang membawa keuntungan kepada orang Islam bahkan sebaliknya. Ini kerana pendidikan agama yang kurang di kalangan masyarakat Islam. Sebagaimana yang diluahkan oleh Hamka di dalam tafsirnya:

Perkahwinan campuran karena perlainan agama itu, meskipun laki-laki Islam boleh berkahwin dengan perempuan lain agama, pada kenyataan zaman sekarang, jaranglah yang membawa keuntungan bagi Islam. Perkahwinan campuran yang kita dapat di zaman sekarang hanyalah karena bebasnya pergaulan, memperturutkan rayuan cinta asmara. Yang berakhir dengan kocar-kacirnya agama kedua belah pihak, dan munculnya anak-anak mereka yang tidak menentu lagi agamanya. Baru akan berjalan baik kembali apabila pendidikan agama telah diperbaiki.⁴³

Sebab Wanita Islam Tidak Boleh Berkahwin Dengan Lelaki Kristian

Orang Islam boleh berkahwin dengan perempuan *ahl al-kitab* yang tidak memeluk agama Islam terlebih dahulu. Ini adalah kerana kepimpinan rumah tangga adalah di tangan suami dan bukannya di tangan isteri. Manakala perempuan Islam dilarang berkahwin dengan lelaki pemeluk agama lain kerana alasan yang sama iaitu kepimpinan rumah tangga terletak di tangan lelaki. Ia hanya dibolehkan sekiranya lelaki tersebut memeluk Islam terlebih dahulu.⁴⁴

Hamka telah menceritakan pengalamannya berhadapan dengan seorang lelaki Kristian yang ingin berkahwin dengan wanita Islam yang telah datang berjumpa dengannya. Kisahnya sebagaimana yang telah diceritakan di dalam tafsirnya:

Pada masa itu, adalah seorang doktor yang masih muda, beragama Kristen (Protestant) bercinta-cintaan dan sudah semufakat hendak kahwin dengan seorang doktor wanita, satu pekerjaan. Ayah doktor perempuan itu sangat berhiba hati kalau anak peremuannya sampai memeluk Agama Kristen. Dia mengharap doktor Kristen itulah yang masuk Islam.

⁴² Hamka (1999), *op.cit.*, j. 3. h. 1765.

⁴³ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 1, h. 523.

⁴⁴ *Ibid.*, j. 3, h. 1765.

Dengan gagah perkasanya doktor Kristen itu menyatakan bahawa dia bersedia masuk Islam asal dia dihadapkan dengan seorang ulama Islam. Kalau ulama itu dapat mengalahkannya, dia akan segera masuk Islam. Doktor Kristen itu telah bertemu dengan HAMKA, lalu berlakulah soal jawab antara mereka. Akhirnya, doktor Kristen tersebut telah mengakui kebenaran agama Islam. Setelah itu mereka tidak lagi menghubungi HAMKA, dan tidak diketahui kesudahan cerita mereka. Adakah doktor Kristen tersebut memeluk Islam ataupun tidak.⁴⁵

Hamka telah menjelaskan beberapa sebab wanita Islam tidak boleh mengahwini lelaki Kristian.⁴⁶

⁴⁵ *Ibid.*, j. 2, h. 1405-1409.

⁴⁶ a) **Kepercayaan Agama;** Orang Islam tidak mempercayai bahawa Nabi Isa adalah anak Tuhan dan termasuk dalam Triniti, namun orang Islam menghormati Nabi Isa a.s. sama seperti menghormati para nabi yang lain. Apabila seorang perempuan mengahwini lelaki Kristian akan terjadi kekacauan kepercayaan dalam rumah tangga kerana menurut kepercayaan orang Kristian, Nabi Isa adalah Tuhan dan Nabi Muhammad merupakan seorang nabi palsu. Ini akan menyebabkan perasaan keagamaan si perempuan akan terus tertekan dengan kepercayaan suaminya. Lihat Rusydi dan Afif Hamka (2002), *op.cit.*, h. 345-346. Kepercayaan agama yang berbeza antara suami dan isteri akan menyulitkan kehidupan berumah tangga antara suami dan isteri. Suami berpegang pada ajarannya, dan isteri pula meyakini agama Islam yang murni. Maka, akan terjadilah isteri menganut agama suami kerana desakan dan tekanan yang diterima dari suami. b) **Taat Pada Suami;** Menurut peraturan agama Islam, jika si suami seorang Islam yang taat pada agama dan isterinya adalah wanita Kristian yang taat memeluk agamanya, hendaklah si suami menghormati kepercayaan isterinya. Tetapi berlainan kalau suami seorang Kristian dan isterinya wanita Islam, maka tidak akan terjadi suami akan menghormati agama isterinya terutama apabila suaminya seorang yang memegang teguh agamanya. Lihat Hamka (1970), *Tanja Djawab II*, c. 2. Djakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 10. Sudah menjadi hukum dalam Islam, seorang isteri seharusnya taat kepada suami. Apabila berlainan agama dan pegangan, maka akan timbul kesukaran untuk melaksanakan hukum tersebut, apatah lagi seorang suami yang tidak menerima agama isterinya. c) **Murtad** Seorang wanita Islam tidak boleh mengahwini lelaki Kristian kerana dikhawatir wanita tersebut akan murtad, iaitu keluar dari agama Islam. Melalui pengalaman yang diceritakan oleh anak Hamka iaitu kisah seorang wanita bersama anaknya telah bertemu ayahnya meminta pertolongan dan perlindungan dari suaminya yang telah murtad dan memaksa wanita tersebut mengikut agama suaminya. Hamka menjelaskan: “*Ternyata keluarga suami yang bersuku Tobing (seorang lelaki yang telah memeluk Islam dan berkahwin dengan wanita Islam) itu adalah pengikut Kristian yang fanatic, setibanya di kampung Tobing murtad, kembali ke agama asalnya. Farida dan anaknya dipaksa masuk agama itu. Bahkan anaknya yang masih kecil sampai dibaptiskan disebuah gereja*”. Lihat Rusydi Hamka (2002), *HAMKA Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi & Martabatnya*, Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd., h. 17.

GUNDIK DAN NIKAH MUT'AH

Gundik merupakan isteri tidak rasmi. Kebiasaannya gundik merupakan mereka yang terdiri dari golongan hamba. Wujudnya hamba sahaya akibat terjadinya perperangan, dan mereka merupakan orang-orang tawanan dari negeri-negeri yang telah dikalahkan. Kadangkala satu negeri ditakluk, sebahagian lelaki tewas di medan perang dan perempuan-perempuan serta anak-anak menjadi tawanan pihak yang menang.

Nikah mut'ah merupakan sejenis perkahwinan yang terhad masanya hingga satu tarikh tertentu. Sekiranya sesuatu perkahwinan disertai dengan syarat *khiyar*, maka akad yang dilakukan itu adalah batal. Ini disebabkan akad dibatalkan oleh penentuan masa. Maka *khiyar* yang telah disyaratkan akan membatalkan akad.⁴⁷ Sebagai contohnya, “*Saya bersedapan dengan anda bagi tempoh sekian.*” Hukum perkahwinan tersebut tidak sah seperti yang diputuskan melalui ijmak, kecuali pada pandangan golongan Syiah.⁴⁸

Perbincangan Hamka Terhadap Gundik

Hamka menyatakan bahawa kini gundik tidak lagi wujud sebagaimana kenyataannya: “*Kita tentu maklum, bahwa budak atau dayang yang akan boleh dijadikan budak itu tidak ada lagi sekarang.*”⁴⁹ Kini yang wujud ialah pergaulan zina kerana menjadi perempuan simpanan kepada lelaki yang terlibat. Hamka menerangkan di dalam tafsirnya:

Persis (serupa benar) sebagai yang dilakukan oleh orang-orang Belanda di kebun-kebun di Sumatera Timur di zaman penjajahan. Mereka pilih kuli-kuli kebun yang cantik, lalu mereka suruh tinggal di rumah mereka. Siang dipakai sebagai babu atau koki (tukang masak), dan malam dipakai untuk teman tidur. Mereka dinamai Nyai. Orang Jahiliyyah memandang bahawa pergaulan seperti itu tidak ada celanya. Dan Belanda di Deli memandang pergaulan seperti itupun tidak ada celanya. Dan di suatu masa di Indonesia kita yang merdeka ini, banyak pembesar-pembesar “menyimpan” Nyai-nyai peliharaan itu di rumah-rumah kampung, dan mengatakan itu tidak ada celanya. Padahal segala semacam demikian tetap berzina juga namanya.⁵⁰

⁴⁷ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 118.

⁴⁸ Hamka telah mengemukakan pandangan beliau terhadap gundik dan nikah mut'ah, beliau mengatakan bahawa gundik dan nikah mut'ah yang ada sekarang hanyalah merupakan perbuatan zina dan melanggar perempuan lacur untuk melepaskan nafsu sahaja.

⁴⁹ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1066.

⁵⁰ *Ibid.*, j. 2, h. 1166.

Penjajah Belanda di Indonesia memandang ringan tentang hamba sahaya kerana terdapat hamba sahaya yang berjaya mendapat pangkat dan kedudukan yang tinggi dalam masyarakat di era penjajahan mereka. Hamka menyebut perkara ini di dalam tafsirnya:

Dan setelah bangsa Barat datang ke negeri kita, sejak zaman Portugis, sampai kompeni Inggeris dan kompeni Belanda, mereka inipun menjadi saudagar-saudagar budak. Untung Surapati yang terkenal kemudian menjadi Pangeran Wiroguno di Pasuruan (Jawa Timur), asalnya ialah seorang budak kepunyaan kompeni Belanda yang mereka bawa dari Bali, dipelihara oleh tuannya dalam gedungnya yang indah.⁵¹

Beliau juga menjelaskan perihal gundik ini di dalam karyanya *Merantau ke Deli*. Penjelasannya tetap sama seperti di dalam tafsirnya: “*Yang agak senang hidupnya ialah kuli-kuli yang agak cantik, senang menurut ukuran mereka. Kalau agak “licin” keningnya, dia boleh dipungut “tuan besar” menjadi nyai.*”⁵²

Perbincangan Hamka Terhadap Nikah Mut’ah

Hamka membantah nikah mut’ah yang telah diamalkan oleh sesetengah pihak dalam masyarakat Islam. Beliau telah mengikut pendapat yang telah dikemukakan oleh Syeikh Abdul Karim Amrullah yang merupakan guru dan ayah beliau. Pendapat ini mengatakan bahawa nikah mut’ah tidak boleh untuk selamanya dan al-Qur'an juga ada peraturannya tersendiri dalam membicarakan hukum nikah. Hamka telah menceritakan di dalam *Tafsir al-Azhar* kejadian yang berlaku di zaman tentera Jepun berkuasa di Indonesia di mana terdapat juga ulama’ yang tidak kukuh pendirian ketika mengeluarkan hukum mut’ah:

Entah siapa yang memberitahu, ada rupanya kepada kalangan yang menyampaikan kepada tentera Jepang bahwa dalam Islam ada peraturan Nikah Mut’ah. Dan pemimpin-pemimpin Indonesia yang tidak mengerti lain tentang agama turut pula menganjurkan agar Ulama-Ulama Indonesia menyetujui agar Nikah Mut’ah itu diizinkan untuk Gyu Gun. Sudah ada suara ulama yang lemah pendirian yang hendak membolehkan. Tetapi ayah dan Guru pentafsir Syaikh Abdul Karim Amrullah membantah hal itu dengan sekeras-kerasnya, dengan menjelaskan hukumnya menurut Mazhab Ahlul

⁵¹ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1066.

⁵² Hamka (2004), *op.cit.*, h. 4.

Sunnah, dan beliau kirimkan bantahan itu kepada pihak-pihak yang memerlukan.⁵³

Nikah mut'ah mengikut pendapat Hamka juga tidak ubah seperti mencari perempuan lacur untuk menjadi teman tidurnya semalam dan dibayar sewanya sebagaimana yang ditulis dalam tafsirnya:

Sehingga kalau kita datang ke salah satu negeri Syiah sekarang ini, misalnya ke Masyad, atau Isfahan dan Syiraaz, kalau ada orang menanyakan perempuan untuk dinikah mut'ah, akan dipandang hina dan sama saja dengan seorang pelancong (Touris) di negeri lain minta dicarikan perempuan lacur buat dipakai semalam.⁵⁴

TALAK

Talak ertinya bebas atau putus talian, habis pergaulan, bercerai atau berpisah. Sewaktu nikah telah diadakan ‘aqad. Dengan talak bererti ikatan itu telah ditanggalkan atau dilepaskan. Rumahtangga yang didirikan oleh dua orang suami isteri terpaksa berpisah.⁵⁵ Terdapat dua jenis penceraian iaitu penceraian *fasakh* dan penceraian talak. *Fasakh* ini sama ada dengan keredaan suami atau dengan perantaraan kadi.⁵⁶ Allah tidak menyekat kemerdekaan peribadi seseorang serta tidak melarang seorang suami untuk menceraikan isterinya. Allah berfirman:⁵⁷

وَإِن يَتَفَرَّقَا يُغْنِ اللَّهُ كُلُّاً مِنْ سَعَيْهِ وَكَانَ اللَّهُ وَسِعًا حَكِيمًا

Terjemahannya: “Dan jika keduanya bercerai, maka Allah akan cukupkan (keperluan) masing-masing dari limpah kurniaNya. Dan (ingatlah) Allah Maha luas limpah kurniaNya, lagi Maha Bijaksana.”

Ayat ini menunjukkan bahawa cerai adalah langkah terakhir apabila jalan damai sudah buntu. Apabila sudah terpaksa bercerai, maka bercerailah dengan baik dan ayat ini juga menyatakan Allah akan mencukupkan kurniaNya masing-masing. Sehingga Allah telah memerintahkan agar lelaki memberikan wang yang sepatutnya kepada perempuan yang diceraikannya.

⁵³ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1171.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 1, h. 539.

⁵⁶ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 348.

⁵⁷ Surah *al-Nisa'* (4): 130.

Pandangan Hamka Terhadap Talak

Hamka menjelaskan bahawa golongan lelaki yang mempermudahkan talak dengan sewenang-wenangnya sebagai golongan yang mempersendakan hukum Allah. Mereka juga adalah golongan yang menyalahgunakan agama untuk kepentingan peribadi. Hamka di dalam tafsirnya telah menyatakan:

Oleh sebab itu kalau terdapat seorang laki-laki kawin semau-mau, beristeri lebih dari satu semau-mau dan kelak bercerai talak pula semau-mau, janganlah itu dibangsakan kepada Islam. Tetapi mereka telah memperkudakan keindahan kepentingan agama untuk kepentingan hawa nafsunya sendiri. Rumah-tangga yang didirikan di atas kekacau-balauan masyarakat. Dan itu bukanlah dari kesalahan Agama, melainkan dari kesalahan orang yang keluar dari garis yang ditentukan Agama.⁵⁸

Faktor Berlaku Talak

Hamka menyatakan berlaku talak disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah:

i. Tiada Zuriat

Hamka sendiri telah menyaksikan suami isteri yang bercerai kerana memikirkan masa depan yang tidak dapat lagi diteruskan kerana tidak mendapat zuriat dan bukanlah disebabkan oleh kebencian. Beliau menjelaskan:

Penulis tafsir ini (HAMKA) pernah menyaksikan dua suami isteri telah bergaul 15 tahun, terpaksa bercerai, sama-sama menitikkan airmata. Berat, tetapi apa boleh buat. Sebabnya ialah karena keduanya ingin beranak, tetapi penyelidikan doktor menunjukkan bahwa pergaulan mereka berdua tidak memungkinkan dapat anak. Mereka bercerai.⁵⁹

ii. Tidak Mampu Memberi Nafkah

Seorang suami wajib memberi nafkah kepada isterinya, dan apabila seorang suami tidak lagi mampu memberi nafkah, maka ia boleh membawa kepada talak. Hamka telah menceritakan di dalam tafsirnya mengenai kisah seorang suami yang dijatuhkan hukuman disebabkan tidak mampu lagi memberi nafkah kepada isterinya: “*Beliau (Syeikh Abdul Karim Amrullah) telah berani memfasakhkan nikah si Kani dengan suaminya. Karena suaminya itu*

⁵⁸ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1460.

⁵⁹ *Ibid.*

ternyata tidak sanggup memberikan nafkah kepada si Kani dengan secukupnya.”⁶⁰

iii. Ingin Mencari Yang Baru

Menjadi adat lelaki Minangkabau berpoligami serta mencari isteri baru sehingga telah ada pantun Talibun Minangkabau yang dipantunkan oleh seorang isteri yang telah diceraikan suaminya, hanya kerana suaminya ingin mencari isteri yang baru. Pantun ini menceritakan kehibaan hati seorang isteri yang ditinggalkan suaminya:

Dahulu ramai pecan Ahad,
'rang jual talang kami beli,
'rang jual ke bukit tinggi
Kiri disuruh buah pala,
Alangkah rimba padi Jambi...
Dahulu kata semuafakat,
Bukit 'lah sama kita daki,
Lurah 'lah sama diterjuni,
Kini diganjur surut saja,
Alangkah hiba hati kami...!⁶¹

iv. Adat Minangkabau

Berkahwin dan bercerai sudah menjadi adat masyarakat Minangkabau. Masyarakat Minangkabau tersusun atas dasar “keibuan” yang diakui sendiri oleh Hamka di dalam karyanya *Lembaga Hidup*: “*Di Minangkabau ketika adat yang matriachaat masih kuat, banyak terjadi seorang laki-laki bisa saja disuruh bercerai oleh keluarga, atau disuruh kawin lagi dengan perempuan pilihan keluarga. Tidak peduli bagaimana keadaan anak-anak yang ditinggalkan oleh ayahnya.*”⁶²

v. Nusyuz

Nusyuz merupakan salah satu faktor yang akan membawa kepada talak. Ini kerana timbul kebencian di hati suami atau isteri apabila suami atau isteri nusyuz. Walaupun penekanan nusyuz kepada isteri sahaja, tidak bermakna si suami juga terlepas daripada keadaan yang sama. Si suami juga boleh terlibat dalam nusyuz jika dia juga tidak menghormati si isteri sebagai pembantunya di dalam keluarga. Jika dia menengking isterinya, malah lebih teruk lagi jika dia mencederakannya. Hamka menjelaskan:

⁶⁰ *Ibid.*, h.1205.

⁶¹ *Ibid.*, j. 2, h. 1142.

⁶² Hamka (1998), *op.cit.*, h. 183.

Seorang teman saya diwaktu mudanya bercerita, bahwa karena terlalu marah pernah menyepakkan isterinya pada lututnya, sehingga isterinya sangat kesakitan. Bekas sepaknya itu meninggalkan kesan hijau pada tulang lutut isterinya berhari-hari lamanya. Dia sangat menyesal atas perbuatannya itu, sampai bertahun-tahun lamanya.⁶³ Apatah lagi setelah dibacanya Hadith Nabi:

عَنْ حَكِيمِ بْنِ مُعَاوِيَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
مَا حَقُّ الْمَرْأَةِ عَلَى الرَّوْجِ ؟ قَالَ : أَنْ يُطْعَمَهَا إِذَا طَعِمَ ، وَأَنْ يَكْسُوَهَا إِذَا
أَكْسَى ، وَلَا يَضْرِبُ الْوَجْهَ ، وَلَا يَهْجُزُ إِلَّا فِي الْبَيْتِ .⁶⁴

Maksudnya: “Daripada Hakim bin Mua‘wiyah, daripada ayahnya, bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Nabi SAW: Apakah hak isteri ke atas suami, Baginda bersabda: Hendaklah ia memberi makan kepada isteri apabila ia makan, hendaklah ia memberi pakai kepada isteri apabila ia pakai, dan janganlah memukul muka serta mencacinya, dan jangan kamu asingkannya (keluar dari rumah) kecuali dalam rumah sahaja.”

Hamka menjelaskan bahawa jika suami memukul isteri yang nusuz sehingga menyebabkan isteri tersebut cacat atau cedera, maka isteri berhak mengadu kepada hakim dan di dalam taklik talak bolehlah isteri membuat syarat bahawa jika ia dipukul sehingga menyebabkan kecederaan atau meninggalkan kesan pada diri atau mukanya, jatuhlah talak suami ke atas dirinya dan ini adalah salah satu syarat taklik di Indonesia.⁶⁵

Kesal Talak

Talak yang berlaku memberi kesan dan tamparan terutama kepada para isteri dan anak-anak. Kekurangan ini telah dilihat oleh Hamka berlaku dalam masyarakatnya.⁶⁶

⁶³ Hamka (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 1201.

⁶⁴ Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (1998), *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Nikah. Bab Haqq al-Mar’at ‘ala al-Zawj. no Hadith 1850, j. 2. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 154.

⁶⁵ Hamka (1974), *Kedudukan Perempuan dalam Islam*, Jakarta: Panji Masyarakat, h. 76.

⁶⁶ Antara kesal talak yang disebutkan oleh Hamka ialah; **a) Kemelaratan Hidup;** isteri yang telah ditinggalkan suami tanpa sebarang nafkah akan menghadapi masalah untuk menjalani kehidupan mereka seperti biasa terutamanya dengan kehadiran anak-anak yang ramai dan tidak terbelia. Mereka terpaksa menjual barang-barang perhiasan dan kehormatan diri mereka untuk menyara kehidupan harian. (Lihat Hamka (2007), *Peribadi*, Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd., h. 200). **b) Pengabaian Anak-anak;** Hamka sendiri merasakan

Talak merupakan perkara halal yang paling dimurkai Allah. Ini kerana talak akan memberi kesan pada keluarga yang dibina. Talak menjadi harus dengan melihat kepada situasi suami isteri, apabila tiada lagi kesesuaian antara mereka, maka sebaiknya disyariatkan talak atas mereka agar tidak menjadi suatu kemudaratuan.

KESIMPULAN

Setelah dilihat ayat-ayat yang dibincangkan berkaitan isu-isu wanita menurut pandangan Hamka di dalam *Tafsir al-Azhar*, disini dapatlah dikatakan bahawa Kalam Allah SWT yang diwahyukan dalam Surah *al-Nisa'* ini merangkumi ayat-ayat yang berkaitan dengan wanita secara komprehensif.

Hamka di dalam membicarakan hal ehwal wanita terutama dari aspek sosial wanita telah menyentuh beberapa isu sosial wanita yang terdapat di dalam Surah *al-Nisa'*. Isu tersebut ialah poligami, mahar, wanita berkahwin dengan lelaki Kristian, gundik, nikah mut'ah, talak dan nusyuz.

Hamka berpandangan seolah-olah menolak poligami kerana seseorang yang melaksanakan poligami sukar untuk mencapai kebahagiaan rumah tangga, menimbulkan permusuhan dan dendam di antara anak-anak yang berlainan ibu, sukar untuk menjaga keadilan, pengabaian terhadap anak-anak serta Hamka sendiri telah merasai keperitan pengalaman poligami secara adat apabila ayahnya berpoligami.

Seterusnya Hamka berpandangan bahawa seseorang yang mempermudahkan talak adalah orang yang telah menyalahgunakan agama untuk kepentingan hawa nafsu mereka, kerana talak akan memberi kesan terhadap keluarga yang dibina. Walau bagaimanapun menurut Hamka talak mungkin berlaku kerana ketiadaan zuriat dilahirkan daripada pasangan hidup dan talak seperti ini berlaku bukanlah kerana kebencian dan permusuhan. Talak yang dibenci adalah talak yang dilafazkan semata-mata untuk mencari isteri yang baru serta suami atau isteri nusyuz. Hamka juga tidak ketinggalan membincangkan kesan buruk talak antaranya ialah kemelaratan hidup bekas isteri dan juga berlaku pengabaian terhadap anak-anak.

Walaupun ayat-ayat dalam Surah *al-Nisa'* ini yang membincangkan aspek wanita tidaklah sebanyak ayat-ayatnya secara keseluruhan, tetapi aspek sentuhan kepada wanita adalah menyeluruh. Ini menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf kewujudan wanita di atas muka bumi ini sama seperti kewujudan lelaki dan sama sekali tidak ada langsung istilah diskriminasi, *gender bias*,

keperitan kesan penceraian yang berlaku antara ayah dan ibunya. Pengalaman ini diabadikan di dalam bukunya *Kenang-kenangan Hidup*: “Dilihatnya tempat-tempat orang bermain judi dan mengadu ayam. Inilah rupanya akibat pertama dari perceraian ayah dan bundanya. Di rumah dia dituduh nakal, durjana, tidak boleh diperbaiki lagi.” (Lihat Hamka (1982), *op.cit.*, h. 39).

second class dan sebagainya kepada golongan wanita sekiranya ayat-ayat al-Qur'an tersebut dihayati. Hal ini diperkuatkan lagi dengan ayat-ayat lain yang berkaitan dengan wanita yang terdapat dalam surah-surah lain dalam al-Qur'an.

RUJUKAN

- Al-Barudi, Imad Zaki (2007), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim li al-Nisa'*. Samson Rahman (terj.), c. 2. Jakarta: Pustaka Kauthar.
- Che Zainon Yusof (1995), *Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Hamka (1962), "Tafsir Al-Qur'an", dalam Soedirman et al. *Madjallah Gema Islam*. no. 2, Februari 1962. Djakarta: Jajasan Perpustakaan Islam Pusat.
- Hamka (1970), *Tanja Djawab II*. c. 2. Djakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hamka (1974), *Kedudukan Perempuan dalam Islam*. Jakarta: Panji Masyarakat.
- Hamka (1975), *Kedudukan Perempuan dalam Islam*. c. 2. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Hamka (1982), *HAMKA Kenang-kenangan Hidup*. c. 2. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka (1983), *Soal-Jawab Agama Islam I*. c. 4. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Hamka (1984), *Islam dan Adat Minangkabau*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Hamka (1984), *Soal-Jawab Agama Islam II*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Hamka (1998), *Lembaga Hidup*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Hamka (1999), *Tafsir Al-Azhar*. 10 j., c. 3. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Hamka (2004), *Merantau ke Deli*. c. 2. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Hamka (2007), *1001 Soal Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Hamka (2007), *Peribadi*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini (1998), *Sunan Ibn Mājah*. 4 j. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010). c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Khin, Mustafa et al. (2005), *al-Fiqh al-Manhaji 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'i*. 3 j., c. 6. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Nasir Taufiq al-Atthar (1976), *Poligami ditinjau dari Segi Agama, Sosial dan Perundang-undangan*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Rusydi dan Afif Hamka (2002), *Prof. Dr. HAMKA Membahas Kemusykilan Agama*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.

*Isu-Isu Wanita Dalam Tafsir Al-Azhar:
Kajian Terhadap Surah Al-Nisā'*

Rusydi Hamka (2002), *HAMKA Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi & Martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.

Ulwān, ‘Abdullah Nāsih (1988) *Ta‘addud al-Zawjāt fi al-Islām*. c. 4. Kaherah: Dār al-Salām.

Al-Zuhayli, Wahbah (2001), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*. 8 j. Damsyik: Dār al-Fikr.